

Newspaper	Berita Harian
Date	8/11/2012

Rancang pembangunan 100 tahun

BH - 8/11/12

Kuala Lumpur: Rancang pembangunan untuk jangka masa 100 tahun akan datang bagi memastikan tanah yang terhad di ibu kota dapat dimanfaatkan sebaik mungkin selain mengelak kerugian.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan belajar daripada kesilapan lalu apabila membina lapangan terbang di Subang yang akhirnya terpaksa dipindahkan ke Sepang dengan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Katanya, rancangan pembangunan perlu mengambil kira keperluan masa depan serta reka bentuk artistik bagi menjadikannya tarikan kepada keunikan negara.

"Pembinaan KLIA adalah rancangan untuk jangka masa 100 tahun kerana kita sukar mendapatkan tanah sebegitu luas bagi membina lapangan terbang. Kita silap apabila memindahkan pembinaan lapangan terbang di Sungai Besi ke Subang.